



SIARAN MEDIA

TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA YB DATO' HAJI MAHFUZ OMAR MERASMIKAN KUARTERS PEKERJA SERDANG

Kuarters Pekerja berkapasiti 4,200 untuk menempatkan pekerja MRT Laluan SSP

Serdang, 6 Februari 2020: Timbalan Menteri Sumber Manusia YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar pada hari ini merasmikan Kuarters Pekerja Serdang yang menempatkan pekerja MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Beliau mengucapkan tahniah kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) kerana menyediakan penginapan yang selesa dan selamat kepada pekerja Projek MRT Lembah Klang.

"Pekerja di sini sangat bertuah kerana mereka telah disediakan dengan penginapan yang baik. Malangnya, terdapat pekerja yang ditempatkan di kongsi yang terletak di tapak pembinaan, di kawasan-kawasan yang kotor dan tidak dapat diakses serta tanpa bekalan elektrik dan air," kata Mahfuz dalam ucapannya semasa majlis tersebut.

Beliau berkata MRT Corp telah menetapkan penanda aras dan menjadi pemangkin yang mendorong syarikat-syarikat untuk meningkatkan kualiti tempat penginapan yang disediakan untuk pekerja mereka.

Mahfuz juga berkata tidak dapat dielakkan bahawa akan terdapat peningkatan bilangan pekerja tempatan dan asing dari masa ke masa, dengan peningkatan projek-projek pembangunan di Wilayah Persekutuan dan Selangor.



Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Encik Abdul Yazid bin Kassim berkata MRT Corp komited dalam mempromosikan dan meningkatkan inisiatif dalam menjaga kebajikan para pekerja.

“Pembukaan Kwarters Pekerja Serdang pada hari ini merupakan bukti komitmen MRT Corp yang tidak berbelah bahagi dalam memastikan penginapan dan kebajikan pekerja mengikut piawaian yang ditetapkan,” katanya.

Mahfuz telah dibawa ke sekitar Kwarters Pekerja untuk melihat kemudahan yang tersedia kepada pekerja seperti kawasan dapur dan bilik sakit (sickbay). Beliau kemudiannya telah menanam sephohon pokok yang merupakan sebahagian daripada kerja-kerja landskap Kwarters Pekerja.

Untuk pematuhan kepada Piawaian Malaysia mengenai Kemudahan dan Penginapan Pekerja Sementara Tapak Pembinaan - Kod Amalan (MS2593: 2015), Ketua Pengarah Jabatan Sumber Manusia Dato’ Mohd Jeffrey Bin Joakim telah menyampaikan MRT Corp dengan sijil pematuhan semasa majlis tersebut.

Dengan kapasiti maksima untuk 4,200 orang penghuni, Kwarters Pekerja Serdang dapat menempatkan pekerja yang bekerja di pakej bertingkat selatan untuk Laluan SSP di dalam tujuh kuarters.

Secara keseluruhan, terdapat 11 Kwarters Pekerja yang dibina di bawah Laluan SSP dengan jumlah kapasiti sebanyak 7,350 penghuni. Tujuh terletak di Serdang, empat di Sungai Buloh dan satu di Cochrane, Kuala Lumpur. Kwarters Pekerja menyediakan perumahan yang selesa dan mudah diakses untuk pekerja dan ini dapat membantu memastikan keselamatan mereka dan mengurangkan isu-isu sosial.

Untuk pertanyaan media, anda boleh hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

